

D693

B B635 DEB
MAHATHIR - PINJAMAN

KANGAR, 29 OKT (BERNAM) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN BERGANJAK DARIPADA MELAKSANAKAN CADANGAN-CADANGAN BERKAITAN DENGAN KENAIKAN FAEDAH PINJAMAN DAN PEMBERIAN PENCEN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG BERKELAYAKAN.

KATANYA, FAEDAH YANG DIKENAKAN BAGI PINJAMAN PERUMAHAN DAN KENDERAAN, WALAUPUN DINAIKKAN DARIPADA 4 KEPADA 6 PERATUS, MASIH RENDAH.

BEGITU JUGA PENETAPAN +TARIKH PEMUTUSAN+ BAGI YANG LAYAK MENDAPAT FAEDAH PENCEN ADALAH WAJAR, KATA PERDANA MENTERI KEPADA PARA PEMBERITA DI RUMAH TETAMU DI SINI SELEPAS MELAWAT PERLIS SEHARI.

LAWATAN DATUK SERI DR MAHATHIR KE PERLIS MEMULAKAN SIRI LAWATANNYA KE SELURUH NEGARA UNTUK BERBINCANG DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN DAN PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL DAN UMNO MENGENAI DASAR DAN TINDAKAN KERAJAAN TERUTAMA BERHUBUNG DENGAN KELEMBAPAN EKONOMI NEGARA SEKARANG.

BELIAU SEMASA DI SINI MENGADAKAN PERJUMPAAN BERASINGAN DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN DI BANGUNAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI DIKUTI PERBINCANGAN DENGAN WAKIL-WAKIL BN DAN UMNO DI RUMAH TETAMU. -- LAGI
2026MST 29 10 86

U B648 DEB
MAHATHIR - PINJAMAN 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI KEGELISAHAN KAKITANGAN KERAJAAN DENGAN KENAIKAN FAEDAH PINJAMAN PERUMAHAN DAN KENDERAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BERBANDING DENGAN KADAR YANG TERPAKSA DIBAYAR OLEH PEKERJA SWASTA SEBANYAK 14 PERATUS, FAEDAH YANG TERPAKSA DIBAYAR OLEH KAKITANGAN AWAM SEBANYAK 6 PERATUS ADALAH MASIH RENDAH.

+ SEMASA KITA (KERAJAAN) MENETAPKAN FAEDAH SEBANYAK 4 PERATUS, +PRIME RATE+ BANK SEBENARNYA IALAH 7 PERATUS, PERBEZAANNYA HANYA 3 PERATUS ANTARA PRIME RATE DAN KADAR PINJAMAN KERAJAAN.

+ PRIME RATE BANK SEKARANG IALAH 11 PERATUS DENGAN KADAR PINJAMAN BANK PULA 14 HINGGA 15 PERATUS TETAPI KERAJAAN MENAIKKAN KADAR PINJAMANNYA CUMA 6 PERATUS, SATU PERBEZAAN YANG JAUH ANTARA PRIME RATE BANK DAN KADAR PINJAMAN KERAJAAN,+ UJAR PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA APABILA KOS WANG NAIK, KERAJAAN HANYA BOLEH MEMBERI SUBSIDI SEKIAN BANYAK SAHAJA.

KATANYA DAHULU KERAJAAN MEMBERI SUBSIDI 3 PERATUS, APABILA PRIME RATE NAIK KEPADA 11 PERATUS KERAJAAN MEMBERI SUBSIDI 7 PERATUS TETAPI KETIKA KADAR PINJAMAN KERAJAAN NAIK KEPADA 6 PERATUS SUBSIDI KERAJAAN ADALAH 5 PERATUS YANG MASIH BANYAK DARIPADA DAHULU. - LAGI.
2207MST 29 10 86

U B649 DEB
MAHATHIR - PINJAMAN 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI INGINKAN PEGAWAI AWAM SUPAYA MEMANDANG KENAIKAN FAEDAH PINJAMAN ITU DARIPADA SUDUT KERAJAAN IAITU DUIT YANG DIGUNAKAN ADALAH WANG RAKYAT.

+ KITA KENA PINJAM DUIT DAN KITA KENA BAYAR BUNGA.

+ BUKAN DUIT KERAJAAN. DUIT PINJAM BELI RUMAH ADALAH DUIT YANG KITA PINJAM DARIPADA ORANG LAIN DENGAN HARGA YANG LEBIH MAHAL,+ JELAS DATUK SERI DR MAHATHIR.

MENGENAI KEMUNGKINAN TEMPOH BAYARAN BALIK PINJAMAN DIPANJANGKAN UNTUK MENGURANGKAN BEBAN KAKITANGAN AWAM, BELIAU BERPENDAPAT PERKARA ITU BOLEH DIPERTIMBANGKAN.

+ TETAPI TEMPOH LANJUTAN ITU AKAN MENYEBABKAN JUMLAH WANG YANG PERLU DIBAYAR BALIK OLEH PEGAWAI AWAM LEBIH BESAR,+ KATANYA. - LAGI.
2208MST 29 10 86

D757

U B650 DEB
MAHATHIR - PINJAMAN 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN PEGAWAI AWAM AGAR TIDAK BERLEBIHAN DARIPADA KEUPAYAAN MASING-MASING.

MENGENAI PENCEN, BELIAU BERKATA +CUT-OFF POINT+ (TARIKH PEMUTUS) 10 TAHUN YANG DITETAPKAN ADALAH WAJAR.

SEKIRANYA KERAJAAN MENURUNKAN CUT-OFF POINT ITU BAGI MENAMPUNG MEREKA YANG HANYA KURANG ENAM ATAU TUJUH HARI, MAKA BEBERAPA PEGAWAI AWAM LAIN AKAN CUBA MEMBUAT TUNTUTAN DENGAN ALASAN-ALASAN LAIN PULA.

+BILA ADA CUT-OFF POINT ADALAH SETENGAH ORANG YANG TIDAK DAPAT, ADA YANG DAPAT,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN BERSEDIA UNTUK BERUNDING DENGAN CUEPACS BERHUBUNG DENGAN KEDUA-DUA ISU ITU. - LAGI.
2211MST 29 10 86

U B651 DEB
MAHATHIR - PINJAMAN 5 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN DALAM RUNDINGAN ITU PIHAK CUEPACS HARUS BERSEDIA MENERIMA PANDANGAN PIHAK KERAJAAN DAN TIDAK MENGANGGAP HANYA PANDANGAN MEREKA SAHAJA YANG BETUL, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

TENTANG PEMBEKUAN GAJI SECARA SUKARELA, BELIAU BERKATA IA BOLEH MELIBATKAN KEDUA-DUA PEMBEKUAN GAJI TAHUNAN DAN RUNDINGAN UNTUK MENDAPATKAN KENAIKAN GAJI.

BAGAIMANAPUN, TEGAS PERDANA MENTERI, KERAJAAN TIDAK MENETAPKAN TAFSIRAN YANG TEPAT MENGENAI PERKARA ITU. TERPULANGLAH KEPADA ORANG RAMAI UNTUK MENAFSIRNYA.

ESOK DATUK SERI DR MAHATHIR AKAN MELAWAT KEDAH SEBELUM KE TERENGGANU PADA HARI JUMAAT. -- BERNAMA
2217MST 29 10 86